

Kerajaan teliti laporan eksklusif akhbar

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat menegaskan, Kerajaan hari ini akan lebih bersikap liberal dan bertolak ansur terhadap pandangan dan teguran membina di akhbar-akhbar.

Beliau berkata, Kerajaan juga mengikuti dengan teliti laporan-laporan eksklusif seperti 'Times Probe' di akhbar Kumpulan New Straits Times.

"Dengan cara ini Kerajaan dapat menyelami perasaan rakyat dan masalah-masalah negara dan bangsa secara luas," jelasnya.

Datuk Mohamed berucap merasmikan penubuhan Persatuan Jurufoto Akhbar Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Beliau mengingatkan media massa, tanggungjawab mereka kini menjadi lebih penting dan etika yang lebih kemas kian mendesak sekarang.

Jangan seleweng

Menurutnya dengan adanya etika yang baik dan sempurna, penyelewengan dan keadaan-keadaan tidak sihat boleh dielak bagi memelihara kepentingan bangsa dan negara.

Katanya, setelah hampir 25 tahun kita mengecapi kemerdekaan, perkembangan dan kemajuan media cetak dan elektronik begitu pesat dan mencabar.

Oleh itu, jelasnya tiap-tiap seorang yang terlibat secara langsung atau tidak harus menentukan sikap dan peranan masing-masing untuk bangsa dan negara.

Beliau menganjurkan supaya ditubuhkan sebuah badan atau persatuan peringkat kebangsaan merangkumi wartawan, jurufoto dan orang-orang yang terlibat dalam media massa.

"Mereka tidak harus menggunakan peluang untuk kepentingan diri sendiri, sebaliknya mestilah berusaha mengelak sebarang penyelewengan," katanya mengingatkan.

Persatuan tersebut dianggotai oleh lebih 100 orang terdiri dari jurugambar-jurugambar berbagai akhbar di negara ini.

Datuk Mohamad Rahmat berkata lagi, banyak persatuan wartawan kebangsaan di dunia ini bergerak cergas dan menyumbang fikiran yang baik kepada kerajaan dalam satu-satu isu.

"Ia bukan sahaja kebaikan di bidang kewartawanan, tetapi rakyat dan negara seluruhnya," ujar beliau.

Beliau mengajak golongan yang terlibat dalam media massa memikirkkan dengan serius tentang tanggungjawab mereka kepada negara dan bangsa.

Di akhir upacara tersebut, Datuk Mohamed menyampaikan kutipan derma kilat berjumlah \$401 kepada balu jurugambar akhbar Utusan Melayu, Allahyarham Ishak Harun. Puan Rokiah Haji Wan Ibrahim.